

BAB LIMA

PENUTUP

Bab Satu memerihalkan latar belakang kajian. Di antara tajuk yang disentuh dalam bab ini ialah latar kajian yang pernah dijalankan oleh ahli bahasa mengenai aspek ayat yang mengandungi dua ayat dan lebih. Berdasarkan pembacaan yang dibuat, ramai juga ahli bahasa, baik tempatan mahupun asing, yang telah mengkaji aspek ayat itu dan pelbagai jenis nama pula yang diberikan kepada kategori ayat itu. Setelah meneliti kajian-kajian itu, yang akhirnya ditetapkan sebagai panduan kajian ini ialah Tatabahasa Dewan (1986/7), yang mengesyorkan bahawa jenis ayat yang mempunyai dua klausa atau lebih itu dikenali sebagai ayat majmuk.

Selain itu, tujuan kajian juga dikemukakan dalam bab ini. Secara ringkasnya, empat sebab kajian ini diusahakan ~~adalah~~ untuk menentukan takrif ayat berketerangan, ayat keterangan dan kata hubung pancangan, untuk mengenal

pasti jenis-jenis ayat berketerangan dan kata hubung pancangan yang terdapat dalamnya serta untuk mengenal pasti proses-proses transformasi yang dilalui oleh ayat berketerangan.

Bab Dua membincangkan konsep ayat. Penghuraian dalam bab ini menyentuh takrif dan struktur ayat. Rumus Struktur Frasa BM juga dikemukakan dalam bab ini. Pendekatan Tatabahasa Transformasi-Generatif Model Teori Standard 1965, yang menjadi rangka kerja teoritikal kajian ini, juga dihuraikan lengkap dengan huraian dua jenis proses transformasi yang utama -- pengguguran dan penyusunan semula.

Bab Tiga dan Bab Empat merupakan inti kajian ini. Berbagai aspek ayat berketerangan dikemukakan dan dibincangkan dengan terperinci. Ketika meneliti dan menganalisis data-data ayat berketerangan yang dikumpulkan daripada bahan-bahan rujukan, beberapa penemuan diperolehi. Penemuan-penemuan itu ialah:

a. **Takrif:**

1. **Ayat Berketerangan** ialah ayat majmuk yang terdiri daripada satu ayat induk dan sekurang-kurangnya satu ayat kecil (ayat keterangan) yang berfungsi sebagai keterangan kepada predikat sebelumnya pada umumnya dan dipancarkan kepada ayat sebelumnya oleh kata hubung pancangan.
2. **Ayat Keterangan** ialah unsur keterangan dalam bentuk ayat dalam ayat berketerangan yang berfungsi menerangkan konstituen predikat yang terletak sebelumnya pada umumnya. Ayat keterangan juga saling berhubungan dengan ayat induk dan sesebuah ayat berketerangan mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu ayat keterangan. Kedudukan ayat ini dalam ayat berketerangan adalah tidak tetap iaitu boleh hadir di hadapan dan/atau belakang ayat induk.
3. **Kata hubung pancangan** ialah unsur yang memancarkan ayat keterangan kepada ayat induk atau ayat keterangan kepada ayat keterangan dalam kes lebih

daripada satu ayat keterangan dalam sesebuah ayat berketerangan. Kata hubung pancangan merupakan unsur wajib dalam ayat berketerangan kerana menentukan jenis ayat berketerangan yang dihasilkan.

Kedudukan kata hubung pancangan dalam ayat berketerangan adalah tetap iaitu di pangkal ayat keterangan.

b. Jenis-jenis Ayat Berketerangan

Kajian ini mendapati bahawa unsur yang paling penting dan wajib dalam ayat berketerangan ialah kata hubung pancangan. Ini ^{demikian} kerana kata hubung pancangan memainkan fungsi utama dalam menentukan jenis ayat berketerangan yang terhasil.

Lapan jenis ayat berketerangan serta contoh kata hubung pancangan yang mendukungnya yang dapat disenaraikan ialah:

1. Ayat Berketerangan Masa: pada, semasa, tatkala, ...
2. Ayat Berketerangan Syarat: jika, kalau, sekiranya, ...

3. Ayat Berketerangan Tujuan/Harapan: **untuk, bagi, supaya, ...**
4. Ayat Berketerangan Sebab-akibat: **sebab, kerana, lantaran, ...**
5. Ayat Berketerangan Gaya/Cara: **dengan, melalui, ...**
6. Ayat Berketerangan Pertentangan: **sungguhpun, biarpun, walaupun, ...**
7. Ayat Berketerangan Perbandingan: **bagaikan, macam, seperti, ...**
8. Ayat Berketerangan Perhinggaaan: **sehingga, sampai, selagi, ...**

c. Proses-proses Transformasi

Proses-proses transformasi yang biasanya dilalui oleh ayat berketerangan ialah pengguguran dan penyusunan semula -- sama ada secara berasingan atau bergabung. Ini bermakna bahawa struktur dalaman ayat berketerangan itu boleh cuma melalui satu proses transformasi untuk menjelmakan struktur permukaan ayat itu ataupun melalui lebih daripada satu proses transformasi itu. Dalam kes-kes tertentu, kedua-dua proses transformasi itu terlibat

dalam melahirkan struktur permukaan sesebuah ayat berketerangan daripada struktur dalamnya.

Proses transformasi pengguguran biasanya berlaku ke atas frasa nama subjek ayat keterangan yang identitis dengan frasa nama subjek ayat induk. Kadang-kadang, walaupun frasa nama subjek ayat keterangan serupa dengan frasa nama subjek ayat induk, frasa nama subjek ayat keterangan tidak digugurkan. Ini berlaku apabila penulis ingin menekankan kepentingan frasa nama subjek kedua. Dalam kes-kes tertentu, kata hubung pancangan pula digugurkan. Ayat berketerangan yang tiada kata hubung pancangan tidak gramatis kerana a) kata hubung pancangan unsur wajib dalam ayat berketerangan, dan b) di bawah nod FP, cuma satu FK sahaja yang boleh hadir.

Proses transformasi penyusunan semula ayat berketerangan biasanya melibatkan proses menghadapankan ayat keterangan yang biasanya terletak di belakang ayat induk. Apabila ini berlaku, unsur parataksis (tanda

wujud. Dengan itu, kajian ini diharap dapat dianggap sebagai penggorak langkah bagi beberapa kajian lain yang menggunakan data daripada jenis bukan penyata.

Kesimpulannya, kajian ini telah berusaha menerokai pelbagai aspek utama ayat berketerangan dan diharap telah merintis jalan bagi kajian-kajian lanjut mengenai bidang ini yang dapat dimanfaatkan semua.

oma) akan hadir di antara ayat keterangan dan ayat induk. Proses penyusunan semula ini berlaku apabila ayat keterangan hendak dijadikan fokus.

d. Rumus-rumus Transformasi

Beberapa rumus transformasi yang digunakan dalam kajian ini ialah:

1. Transformasi Pengguguran FN Subjek

	#	X	Y	Z	M	#
SD	1	2	3	4	5	6
SC	1	2	3	Ø	5	6

Tpg-FN_{sub}
=====

(Syarat: $X = Z$)

2. Transformasi Pengguguran FN Predikat

	#	X	Y	Z	M	#
SD	1	2	3	4	5	6
SC	1	2	Ø	4	5	6

Tpg-FN_{pred}
=====

(Syarat: $Y = M$)

3. Transformasi Penyusunan Semula Datif

	#	X	Y	Z	M	#
SD	1	2	3	4	5	6
						Tps-Datif
						=====
SC	1	2	3-1	5	4	6

4. Transformasi Penyusunan Semula FA

	#	X	Y	Z	M	#
SD	1	2	3	4	5	6
						Tps-FA
						=====
SC	1	4	5	2	3	6

Sebagai kesimpulannya, memandangkan tumpuan kajian ini terhadap kepada ayat berketerangan penyata iaitu ayat induk dan ayat keterangan dalamnya terdiri daripada ayat penyata, kajian seterusnya pula patut meninjau aspek ayat berketerangan tanya, perintah dan seru iaitu ayat berketerangan yang ayat induk atau ayat keterangan atau kedua-duanya sekali berbentuk tanya, perintah atau seru.

Biarpun mungkin terhadap jumlahnya, ayat berketerangan yang ayat induknya ayat tanya atau perintah didapati